

Kerajaan timbang pilihan raya bila cukup tempoh
Utusan Online
22 Jun, 2012

KUALA LUMPUR 21 Jun - Kerajaan sedang melakukan gerakan kecil-kecilan untuk mempertimbang sama ada pilihan raya umum akan hanya diadakan apabila tempoh mandat pentadbiran kerajaan sedia ada mencukupi lima tahun dan bukannya lebih awal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, perkara itu boleh dibincangkan sama ada ia memberi manfaat kepada negara.

Menurutnya, ini memandangkan sistem Westminster di United Kingdom yang menjadi model sistem Parlimen negara baru-baru ini bersetuju untuk memastikan pilihan raya diadakan selepas tamat tempoh mandat.

"Saya secara peribadi merasakan lima tahun itu bermakna lima tahun. Apabila kita pergi ke pilihan raya, rakyat faham mereka akan mengundi wakil mereka untuk tempoh lima tahun. Saya juga boleh jadi catalyst (pemangkin) untuk kita cuba dapatkan lima tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 di peringkat jawatankuasa bagi Jabatan Perdana Menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Salahuddin Ayub (PAS-Kubang Kerian) dan Datuk Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) mengenai pembubaran Parlimen ketika membahaskan rang undang-undang itu di peringkat terbabit.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0622&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_05.htm